

**MAJLIS PELANCARAN 'RUMAH CHENGAL' (CHENGAL HOUSE)**

21/10/2014

SEJATI RESIDENCES, CYBERJAYA

Assalamu'alaikum warahmatullahi wa barakatuh,  
Salam Sejahtera, Salam Perpaduan dan Salam 1Malaysia,

Yang Berbahagia Prof. Dato' Dr. Mohd Fauzi Hj. Ramlan,  
Naib Canselor, Universiti Putra Malaysia;

Yang Berusaha Dr. Jalaluddin Harun,  
Ketua Pengarah, Lembaga Perindustrian Kayu Malaysia (MTIB);

Yang Berbahagia Dato' Md Taib bin Abdul Hamid,  
Pengerusi, Paramount Corporation Berhad;

Yang Berusaha Encik Jeffrey Chew,  
Ketua Pegawai Eksekutif, Paramount Corporation Berhad;

Dif-dif kehormat, Rakan-Rakan Media;

Tuan-Tuan Dan Puan-Puan, Para Hadirin Yang Dihormati Sekalian.

1. Terlebih dahulu, marilah kita memanjatkan kesyukuran ke hadrat Ilahi kerana dengan izin dan limpah kurnia-Nya, dapat kita bersama-sama menghadiri Majlis Pelancaran Rumah Chengal (atau dikenali sebagai 'Chengal House') di kawasan Cyberjaya pada petang ini.

2. Jutaan terima kasih juga kepada Universiti Putra Malaysia (UPM), Lembaga Perindustrian Kayu Malaysia (MTIB) dan Paramount Corporation Berhad di atas jemputan kepada saya untuk menghadiri majlis yang penuh bermakna ini.

3. Pada petang ini, saya amat berbesar hati untuk melihat sendiri sebuah bangunan ikonik (iconic) yang memperlihatkan kolaborasi dan kerjasama di antara tiga (3) pihak utama iaitu agensi Kerajaan, industri dan institusi pengajian tinggi.

4. Dalam menempuh landskap ekonomi global yang kompetitif dan mencabar, kerjasama yang berkesan di antara sektor awam dan swasta adalah kritikal bagi pembangunan sesebuah negara.

5. Di bawah Agenda Transformasi Nasional yang dilaksanakan sejak 2010, Kerajaan berazam meningkatkan ekonomi dalam rangkaian nilai lebih tinggi, selain mempertingkatkan

keupayaan pengetahuan dan inovasi negara; dan kolaborasi seperti ini mampu membawa negara ke arah visi tersebut.

6. Kerjasama sektor awam dan swasta dalam aspek sumber, kemahiran, teknologi dan faktor-faktor kritikal lain yang mampu memberikan pertumbuhan optimum, amatlah digalakkan kerana ianya dapat membantu negara memperkukuhkan daya tahan ekonomi selain memajukan lagi pasaran domestik untuk lebih berdaya saing.

7. Dalam konteks ini, saya amat menghargai langkah Paramount Corporation Berhad kerana telah memulakan inisiatif kerjasama dengan MTIB dan UPM yang bakal memberi manfaat kepada semua pihak, terutamanya stakeholders di dalam industri perindustri kayu negara.

8. Negara kini sedang menuju ke arah ekonomi berpendapatan tinggi menjelang tahun 2020, dan salah satu strategi untuk mencapai matlamat ini adalah dengan mengukuhkan daya saing dan kebolehpasaran industri perindustri kayu di Malaysia.

9. Sepertimana kita semua sedia maklum, Dasar Perindustrian Kayu Negara (NATIP) telah mula dilaksanakan oleh Kerajaan pada tahun 2009 dengan objektif untuk mencapai sasaran nilai eksport industri perindustri kayu negara sebanyak RM53 bilion menjelang 2020.

10. Pada tahun 2013, Sektor Komoditi Negara secara keseluruhannya telah menyumbang kepada nilai eksport sebanyak RM114.5 bilion dan daripada jumlah tersebut, eksport produk kayu mencatatkan nilai sebanyak RM19.53 bilion atau 17% sumbangan terhadap nilai eksport komoditi negara.

11. Ianya jelas menunjukkan bahawa industri ini telah memberikan sumbangan kepada pertumbuhan ekonomi negara secara konsisten setiap tahun.

12. Selain itu, dunia juga telah mengiktiraf produk keluaran kayu tempatan yang bermutu tinggi, di mana Malaysia kini merupakan negara pengeksport ketiga terbesar di Asia dan kelapan terbesar di dunia. Produk-produk berasaskan kayu "Buatan Malaysia" kini dipasarkan kepada lebih 160 negara di seluruh dunia, dengan pasaran eksport utama adalah seperti Amerika Syarikat, Jepun, Australia, Singapura dan United Kingdom.

13. Saya yakin, dengan sumber semulajadi yang kita miliki khususnya dengan kepelbagaian kayu hutan, kayu perladangan serta alternatif lain seperti batang kelapa sawit dan bahan-bahan bio-komposit, ianya secara tidak langsung memberikan kelebihan kepada daya saing negara berbanding negara-negara lain dalam industri perindustri kayu global.

14. Sehubungan dengan itu, saya berharap agar MTIB, agensi di bawah Kementerian Perusahaan Perladangan dan Komoditi dengan kerjasama pihak industri dan institusi

pengajian tinggi seperti UPM dapat menjalankan inisiatif-inisiatif baru bagi mengembangkan lagi pasaran kayu kayan ke negara-negara yang berpotensi.

15. Saya juga ingin melihat industri ini bergerak pantas serta dapat terus berkembang secara mampan agar ia dapat membantu memaksimumkan sumbangan kepada pembangunan negara. Oleh yang demikian, penekanan terhadap penjenamaan dan reka bentuk produk harus diberi perhatian kerana dengan cara ini Malaysia mampu dikenali oleh negara-negara luar melalui kualiti produk kayu yang ditawarkan.

Tuan-tuan dan Puan-puan sekalian,

16. Saya amat berbangga apabila binaan bangunan seperti 'Rumah Chengal' ini dapat membuktikan kepada dunia bahawa kualiti kayu yang baik tidak hanya digunakan sebagai fungsi estetika semata-mata; ianya juga boleh dan mampu menjadi komponen utama sebagai struktur tanggung beban (atau "load bearing structure") dalam sesebuah binaan bangunan.

17. Harapan saya agar MTIB dan UPM akan terus bekerjasama dengan pihak industri terutamanya pengilang dan pemaju hartanah untuk menjalankan penyelidikan berkaitan penggunaan produk-produk kayu seperti glued laminated timber (glulam), laminated veneer lumber (LVL) dan cross laminated timber (CLT) dalam sektor pembinaan. Ini kerana kayu kayan kita mempunyai kepadatan dan daya tahan yang lebih tinggi, seterusnya amat sesuai digunakan sebagai load bearing structures dalam sesebuah binaan bangunan.

18. Saya difahamkan bahawa salah satu perkara di dalam Memorandum Persefahaman (MOU) yang akan dimeterai hari ini di antara Paramount Property, MTIB dan UPM, adalah untuk menjalankan penyelidikan berkaitan kayu kayan yang sesuai digunakan dalam sektor pembinaan.

19. Ini merupakan langkah positif yang tepat pada masanya; justeru itu, saya ingin mengucapkan syabas dan selamat maju jaya kepada ketiga-tiga pihak dalam menjalankan inisiatif penyelidikan yang bermanfaat ini.

Ladies and Gentlemen,

20. Our Government's economic initiatives aren't only to spur building and development. We are also cognizant of the importance of managing our natural resources intelligently, which includes the preservation of our flora and fauna, which are the envy of the world.

21. Malaysia, as a major producer and exporter of tropical timber, has made tremendous efforts to ensure its products are sourced from sustainably sourced forests. This is also

where the importance of good forestry management practices come in, to ensure the enforcement of guidelines, laws and policies in relation to Malaysia's natural resources.

22. I am glad to note that the educational programmes that Paramount Corporation is proposing to run for the SriKDU National and International schools through their MOU with MTIB and UPM today, will act as a catalyst for Malaysians, especially younger Malaysians, to understand and appreciate the resources we have, and to manage and use them wisely for future generations.

23. This partnership is a clear demonstration of how Government, industry and academia can merge and expand our resources to achieve so much, not just for our individual entities, but also for the country, and our country's future.

24. It is a prime example of good corporate social responsibility which should be emulated by more companies in Malaysia. It is my hope that 'Chengal House' and its complementary programmes will inspire many more enterprises to see the benefit of going beyond simply doing business, to doing business while doing good.

25. Akhir kata, sekali lagi saya ingin mengucapkan terima kasih kepada semua yang terlibat dalam menjayakan projek 'Rumah Chengal' serta program-program yang berkaitan dengannya. Semoga usaha anda semua dalam memberikan yang terbaik untuk kemajuan industri dan ekonomi negara akan diberkati Yang Maha Esa.

26. Dengan lafaz Bismilāhirrah-mānirrahīm, saya dengan sukacitanya melancarkan 'Rumah Chengal' di kawasan Cyberjaya ini.

Sekian, terima kasih.